



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 5 JANUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	HARGA MAKANAN TERNAKAN NAIK HINGGA 34 PERATUS, THE RAKYAT INSIGHT -ONLINE MAFI MINISTER: SIMPLIFYING PROCEDURES FOR FASTER RECRUITMENT OF FOREIGN WORKERS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 PROCEDURE OF BRINGING IN FOREIGN WORKERS WILL BE SIMPLIFIED, NATION, CHINA PRESS -A4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
4.	PETANI TERJEJAS BANJIR LAPOR PEJABAT PERTANIAN, KELANTAN, HAKAH -H12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5. 6. 7. 8.	CADANG LAKSANA HARGA SILING BABI, SUARA SARAWAK -ONLINE TERENGGANU EXCO CRITICISED FOR EQUATING PROPOSAL TO STABILISE PORK PRICES TO 'CHAMPIONING PLIGHT OF CHINESE', THE RAKYAT POST -ONLINE SARAWAK SHOULD IMPORT PORK TO MEET DEMAND, CENTRAL SARAWAK, SEE HUA DAILY NEWS -A3 RUMAH SEMBELIHAN HASIL AIR TERCEMAR, LOKAL, HM -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
9. 10. 11.	HAMPIR SEMUA RUMAH PENDUDUK DIJEJAKI USTAZ WAN, HAKAH DAILY -ONLINE KOS SELENGGARA CECAH RM130,000, NEGERI KEDAH, SH -27 MADA BELANJA RM130,000 SETAHUN BERSIHKAN TERUSAN WAN MAT SAMAN, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	PENGGUNA, PENGUSAHA MAKANAN DI KUANTAN 'PENING' BEKALAN TELUR AYAM MASIH KURANG, BH -ONLINE TERNAKAN MUSNAH AKIBAT BANJIR BESAR, NEGARA, KOSMO -14 BAU BAJA NAJIS AYAM, BABI GANGGU AKTIVITI PENDUDUK, NASIONAL, BH -19 PETANI RUGI RM1.4 JUTA PADI DITENGGELAMI BANJIR, NASIONAL, BH -20 DUA KALI MALANG, LOKAL, HM -22 PETANI RUGI RM1.4 JUTA PADI DITENGGELAMI BANJIR, LOKAL, HM -22 PESAWAH RUGI RM1.4 JUTA, PADI ROSAK AKIBAT BANJIR, NEGERI KELANTAN, SH -27 PESAWAH RUGI RM1.4 JUTA PADI DITENGGELAMI BANJIR, DALAM NEGERI, UM -30 NO ABUNDANCE PF GROUPERS FOR CNY, NATION, THE STAR -12	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2023	THE RAKYAT INSIGHT	ONLINE	

Harga makanan ternakan naik hingga 34 peratus



KUALA LUMPUR: Kenaikan harga makanan ternakan sehingga 34 peratus menjejaskan margin keuntungan penternak tempatan, demikian mengikut Affin Hwang Investment Bank.

Menurut bank pelaburan itu dalam nota penyelidikannya baru-baru ini, harga soya dan jagung masing-masing telah meningkat sebanyak 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022.

Katanya, keuntungan QL Resources Bhd, antara penternak utama di Malaysia, boleh terjejas susulan kenaikan harga komoditi berkenaan.

“Panduan daripada pengurusan mengatakan bahawa kos bahan mentah boleh dialihkan kepada pelanggan, bagaimanapun ia mungkin mengambil masa di antara tiga bulan hingga tujuh bulan.

“Dalam masa itu, kami menjangkakan marginnya untuk menipis. Harga soya dan jagung pula masing-masing telah meningkat sebanyak 16.2 peratus dan 34.8 peratus dari awal tahun lalu hingga 30 Disember 2022,” katanya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu sebelum ini berkata, kenaikan harga ayam dan telur yang agak tinggi berpunca daripada faktor makanan ayam itu sendiri yang turut mengalami peningkatan yang mendadak.

Katanya, faktor makanan yang diimport juga menyebabkan berlaku peningkatan berganda.

Sementara itu Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, secara purata, kos pengeluaran ayam dalam negara adalah RM6.53 sekilogram (kg) pada bulan September lalu.

Katanya, harga sekilogram ayam di ladang dengan mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran yang direkodkan berada di antara julat RM6.86 hingga RM7.84.

Manakala margin keuntungannya pada peringkat borong merekodkan RM1.30.

Katanya, di peringkat runcit pula, margin keuntungan sekilogram ayam mencatatkan RM1.25.

Bagi telur ayam, purata kos pengeluaran sebiji telur mencatatkan 48 sen. Sekiranya mengambil kira lima peratus, 10 peratus dan 20 peratus keuntungan daripada kos pengeluaran, harga telur di ladang direkodkan antara julat 50 sen hingga 58 sen sebiji.

“Margin keuntungan sebiji telur ayam peringkat borong dan runcit pula masing-masing mencatatkan 4 sen dan 2 sen,” katanya menerusi kenyataan baru-baru ini.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Mumtaz Md Nawi melawat kawasan pertanian yang terjejas akibat banjir.

Petani terjejas banjir lapor Pejabat Pertanian

KOTA BHARU: Petani yang terjejas akibat banjir baru-baru ini boleh membuat laporan kepada Pejabat Pertanian Jajahan berdekatan bagi mendapat bantuan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, banyak kawasan pertanian terjejas akibat banjir.

“Petani yang terjejas teruk akibat banjir boleh membuat aduan di Pejabat Pertanian berdekatan,” katanya di sini.

Sebelum itu beliau bersama Adun Demit, Dato’ Mumtaz Md Nawi dan Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan, Norbahani Zakaria melawat kawasan pertanian yang terjejas akibat banjir di Demit.

Tuan Mohd Saripudin yang juga Adun Selising turut merakam penghargaan kepada Persatuan Kebajikan Amal Bangi (PEKABA) dari Selangor membantu mangsa banjir di Selising.

Katanya sumbangan itu diharap dapat meringankan bebanan mangsa-mangsa banjir.

Menurutnya juga rakyat Kelantan dan Terengganu berdepan dengan musibah banjir sehingga menjejaskan ramai petani, penternak dan nelayan.

“Petani, penternak dan nelayan merupakan kelompok terbesar yang menyumbang bekalan makanan negara.

“Saya mewakili rakyat Kelantan merakam ucapan terima kasih atas kegigihan kalian dalam menjamin kadar sara diri sentiasa mencukupi,” tambahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2023	SUARA SARAWAK	ONLINE	

Cadang laksana harga siling daging babi



Datuk Sri Dr. Stephen Rundi Utom
FOTO:FB

KUCHING: Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah akan mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk melaksanakan harga siling ke atas daging babi.

Menterinya, Dato Sri Stephen Rundi Utom berkata ia untuk menstabilkan harga dan mengelakkan kenaikan harga secara berterusan.

Namun, katanya sebagai langkah jangka pendek, pengimportan daging babi beku dibenarkan dari negara pengeksport yang bebas daripada Penyakit Kaki dan Mulut (FMD).

“Ini sebagai alternatif untuk menangani kekurangan bekalan segar daging babi dan langkah penting ke arah menstabilkan harga.

“Pada 2022, Sarawak mengimport lebih daripada 2,380 tan metrik daging babi beku bernilai RM26.48 juta,” katanya menerusi satu kenyataan, hari ini.

Manakala bagi langkah jangka sederhana hingga panjang, Rundi berkata Kerajaan Sarawak sedang merancang untuk mewujudkan lebih banyak Kawasan Penternakan Babi (PFA) untuk mengembangkan pengeluaran komoditi itu bagi memenuhi permintaan dalam dan luar negara.

“Kerajaan juga akan memudahkan pembangunan Ladang Babi Moden dengan infrastruktur sifar pelepasan, sistem rumah tertutup, biogas dan biosekuriti untuk memastikan Sarawak mempunyai lebihan daging babi dan terus mengeksport,” katanya.

Sementara, Rundi berkata kementeriannya tidak mempunyai kuasa untuk mengawal harga daging babi namun bersedua untuk membantu menyederhanakan harga daripada terus meningkat secara mendadak.

Katanya kuasa mengawal harga adalah di bawah KPDN manakala kementeriannya melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) hanya mempunyai autonomi untuk mengawal selia pembangunan ternakan, kawalan penyakit serta perkara yang berkaitan dengan kawalan import dan eksport.

Menjelas lanjut, beliau berkata statistik JPVS mendedahkan bahawa terdapat dua sumber utama bekalan daging babi segar untuk pasaran Sarawak dengan yang pertama ialah pembekal daging babi segar dari PFA di Pasir Puteh, Simunjan dan dijual melalui Precious Food Products Sdn Bhd yang mempunyai lebih daripada 17 kedai runcit di bawah jenama Borneo Pork.

Rundi berkata JPVS mendapati tiada kenaikan harga jualan daging babi oleh syarikat itu setakat ini.

Selain itu, katanya pembekal utama yang lain adalah penternak skala berbeza di luar PFA, yang babi hidup dijual kepada penyembelih dan selepas itu, babi dijual di pasar basah, penjual makanan dan kedai daging.

“Daging babi yang dijual oleh kedai-kedai ini adalah yang didapati telah meningkatkan harga dalam beberapa bulan kebelakangan ini,” katanya.

Dalam pada itu, Rundi berkata kenaikan harga sangat didorong oleh lonjakan dalam kos operasi ditambah pula dengan wabak demam babi Afrika (ASF) di Sarawak.

“Kekurangan bekalan adalah ketara disebabkan oleh wabak ASF baru-baru ini, yang telah banyak mengurangkan pengeluaran babi hidup.

“Selain itu, kenaikan harga makanan yang dulu RM800 setan, kini berharga RM2,000 setan.

“Bahan mentah mahal dan kos operasi juga tinggi, oleh itu jumlah kos telah meningkat sebanyak 50 hingga 60 peratus,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2023	THE RAKYAT POST	ONLINE	

Terengganu Exco Criticised For Equating Proposal To Stabilise Pork Prices To ‘Championing Plight Of Chinese’

Twitter users were quick to point out to Dr Azman Ibrahim that the Chinese are not the only ones who consume pork.



Jabi assemblyman and Terengganu state exco Dr Azman Ibrahim found himself on the receiving end of criticism today after he posted a screenshot of a Malaysiakini news article.

In sharing the news article ‘Cadangan Stabilkan Harga Babi Dibawa ke Kabinet Esok’ (Proposal to stabilise Pork Prices to be brought up in Cabinet tomorrow), Azman congratulated the deputy

minister of Agriculture and Food Security, but netizens suspected he was being sarcastic.

“Congratulations Deputy Minister of MAFS Chan Foong Hin for taking a step forward to champion the plight of the Chinese,” Azman wrote.

Twitter users were quick to point out to him that the Chinese are not the only ones who consume pork.

“Not only the Chinese eat pork. Many non-Muslims, including Malaysians in Sabah and Sarawak consume pork. We are Malaysians too and have the right to purchase goods at a reasonable price. The government must make sure of this,” replied @ThilaKandasamy.

Many pointed out to Azman that his comment was racist.

“You initiate the hate towards other races and still wondering why other races choose not to vote you????” wrote @tessalikestoat.

In the Malaysiakini article, the proposal to stabilise pork prices is being tabled in light of the upcoming Chinese New Year celebrations.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub announced the matter yesterday after a meeting with MAFS which was represented by Chan.

Headline	MAFI Minister: Simplifying procedures for faster recruitment of foreign workers		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	05 Jan 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	309 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,660



农长：纾缓人力荒 简化程序快速聘外劳



莫哈末沙布：不会促调整鸡蛋补贴政策

(吉隆坡 4 日讯) 农业及粮食安全部长莫哈末沙布表示，内阁 3 周前决定，在接下来的 2 至 3 个月内，政府将简化重新引入外劳的程序，以纾解国内各领域面对因缺乏人力导致被迫减产的问题。

他说，政府希望能够在更便捷的方式下快速引入更多外劳。

蛋鸡业者尽快申请

他表示，尤其农业领域，没有足够的人力导致产量减少；因此，特别是肉鸡和鸡蛋业者可尽快注册申请。

莫哈末沙布昨晚接受第一电视台专访时说，当局不会仓促调整目前鸡蛋补贴政策；对于只是针对 B40 群体发放补贴的建议，他表示目前还在讨论中。

他强调，政府会在做好一切准备后才开始推行价格自由浮动机制，并只是针对目标群体提供补贴。他说，该部认为产量短缺只是暂时性问题，不会持久。

题，不会持久。

有意重启养牛中心

莫哈末沙布也提到，如果有资金和土地，应该重新启动国家养牛中心计划。

他认为，这是一项好的计划，不过因为过去出现执行上的弊端，花费太多不必要的开销。

他说，我国目前有 80% 的牛肉和羊肉依赖进口，如果有良好的执行计划，就能自给自足。

“我们也希望令吉继续升值，以减少进口食品所带来的影响。”

针对日前有非政府组织表示担忧，大马批准全面与进步跨太平洋伙伴关系协定 (CPTPP) 将对我国农业领域造成冲击而向政府提交备忘录，莫哈末沙布认为，政府关注非政府组织提出的建议。

他说，贸工部已作出解释，并保证有关协议不会对我国造成损失，而农业部也提出该部门的看法。

“包括，我们正设法解决鸡只饲料仍面对垄断的问题。”

Headline	Procedure of bringing in foreign workers will be simplified		
MediaTitle	China Press		
Date	05 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	332 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,549
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,647



末沙布：緩解人力短缺

簡化程序引進外勞

（吉隆坡4日讯）农业及食品安全部长莫哈末沙布说，内阁3周前决定，在接下来的2至3个月内，政府将简化重新引入外劳的程序，以缓解国内各领域面对因缺乏人力导致被迫减产的问题。

他说，政府希望能够在更便捷的方式下，快速引进更多外劳。

“其中在农业领域，对于因缺乏人力导致产量减少，特别是肉鸡和鸡蛋业者，可尽快登记申请。”

莫哈末沙布昨晚接受“第一电视台”专访时说，当局不会仓促调整目前鸡蛋津贴政策；对于只是针对B40群体发放津贴的建议，目前还在讨论中。

他强调，政府会在做好一切准备后才开始推行价格自由浮动机制，并只是针对目标群体提供津贴。

80%牛羊肉進口

他说，该部认为产量短缺只是暂时性问题，不会持久。

此外，莫哈末沙布提到，若有资金和土地，应该重新启动国家养牛中心计划。

他认为，这是一项好的计划，不过因为过去出现执行上弊端，花费太多不必要的开销。

他说，国内目前有80%的牛肉和羊肉依赖进口，若有良好的执行计划，就能自给



■莫哈末沙布（左）步入第一电视台，准备接受专访。

自足。

“我们也希望令吉继续升值，以减少进口食品所带来的影响。”

针对日前有非政府组织担忧，大马批准“跨太平洋伙伴全面进步协定”（CPTPP）将对国内农业领域造成冲击而

向政府提交备忘录，莫哈末沙布认为，政府关注非政府组织提出的建议。

他说，贸工部已作出解释，并保证有关协定不会对国家造成损失，而该部也提出了看法，包括该部正设法解决鸡只饲料仍面对垄断的问题。

Headline	Sarawak should import pork to meet demand		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	05 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Central Sarawak	Circulation	63,549
Page No	A3	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,036
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,109



張健仁：價格高企不下 砂應進口豬肉救急

（本报古晋4日讯）行动党实且宾区国会议员张健仁今日拜会我国农业与粮食安全部副部长陈泓缵，讨论砂拉越猪肉价格高企不下的问题，以及砂拉越养猪业的前景。

他今日发文告表示，虽然养猪业是屬於砂拉越政府全权管理的事项，但是今日讨论更多的是联邦政府掌管下的农业和食品安全部，可以如何通过哪些方法和途径，协助砂拉越养猪业的发展及重启。

他指出，今年不仅猪肉价格上涨了好几倍，砂拉越的猪肉供应严重短缺的问题，还是显而易见，未见好转。

頂價不能解決短缺

“更讽刺的是，砂食品工

业、原产业和区域发展部部长拿督斯里史迪芬伦迪博士，在2022年11月30日却反其道的告知砂州议会，砂拉越的猪肉供应是过剩的。”

“直到几天前，他发文告才改口承认砂拉越的猪肉供应

短缺，以致猪肉价格上涨。”

张健仁认为，砂州政府提呈的猪肉价格顶价措施，只能在短期内解决价格上涨的问题，却不能解决当前猪肉供应短缺的问题。

他建议砂州政府应该开放允许更多商家根据市场需求进口猪肉，以解决当前猪肉供应严重短缺的问题。

探現代化養豬方法

与此同时，张健仁表示，由於砂拉越有90%的养猪场都受到非洲猪瘟的影响，现在是时候让砂州政府开始落实一项全面计划，鼓励更多受影响的养猪业者和猪农采用新的现代化养猪方法。

“不过，这将需要更多的政府拨款和低利息贷款注入，以协助本地猪农提升他们的设施和养猪农场。”

“我们希望在州政府和联邦政府双管齐下的适当规划和协作下，砂拉越养猪业不仅可以从这次非洲猪瘟疫情中起死回生，并且昂首阔步，跃升到更高的现代农场水平。”

◀张健仁（右）与陈泓缵（中）讨论砂拉越猪肉价格高企不下的问题，以及砂拉越养猪业的困境。



Kuala Lumpur

Antara ancaman utama kelestarian alam sekitar yang boleh memusnahkan flora dan fauna ialah air sisa tidak dirawat terutama dihasilkan oleh industri makanan termasuk penternakan dan pertanian.

Bukan itu sahaja masalahnya dan mungkin ramai yang tidak sedar rumah sembelihan haiwan seperti lembu dan ayam sebenarnya antara industri makanan yang menggunakan sejumlah besar air mentah dan menghasilkan sejumlah besar air sisa yang 'kaya' dengan bahan pencemar dan nutrien organik.

Ada dua kes yang boleh dikaitkan dengan kebimbangan di atas seperti dilaporkan media tempatan sebelum ini.

Kes pertama membabitkan lapan premis penternakan babi berdaftar di bawah jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di atas tanah persendirian berstatus pertanian, dikenal pasti menjadi punca kepada pelepasan air kotor dan berbau ke pantai Tanjung Sepat, Kuala Langat, pada Oktober 2022.


Kes kedua pada September 2022 pula apabila Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) mengeluarkan notis kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bagi urusan pemantauan ladang penternakan babi yang dikatakan menjadi punca pencemaran di Sungai Rambai di Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kenyataan *United States Environmental Protection Agency* (US EPA) pada tahun 2004 mengklasifikasikan air sisa rumah sembelihan sebagai salah satu bahan buangan paling berbahaya untuk dilepaskan ke alam sekitar kerana terdapat sejumlah tinggi mikroorganisma organik yang berbahaya dan patogenik.

Lebih teruk apabila pembuangan air sisa tidak dirawat ataupun effluen ke dalam sumber air yang digunakan orang ramai seperti sungai boleh menggalakkan proses eutrofikasi (peningkatan jumlah nutrien terbuang ke muara dan perairan pantai yang menggalakkan pertumbuhan alga tidak terkawal).

Akibatnya menghalang penembusan cahaya kepada hidupan akuatik dan mengakibatkan banyak ikan mati, selain baunya yang cukup memualkan.

Apatah lagi, air yang dihasilkan semasa dan selepas operasi dianggap sebagai air sisa berkepekatan tinggi kerana kehadiran protein yang terhasil daripada sisa lemak, minyak dan gris (FOG). Ke-



RUMAH sembelihan haiwan seperti lembu menggunakan sejumlah besar air mentah dan menghasilkan sejumlah besar air sisa yang kaya dengan bahan pencemar dan nutrien organik.

ANCAMAN KELESTARIAN ALAM

Rumah sembelihan hasil air tercemar

INFO

UASB reactor digunakan rawat air sisa ternakan dan air sisa sembelihan daripada sampel yang diambil.

Mikroorganisma pemakan dalam UASB mampu menghasilkan gas metana.

Kos sistem rawatan air sisa secara anaerobik lebih murah berbanding sistem rawatan konvensional.

di sebuah rumah sembelihan lembu tempatan, dengan spesimen dikumpulkan dalam tiga bekas, setiap satu berisipadu 25 liter dan dibawa segera ke makmal kesihatan awam Fakulti Kejuruteraan UPM untuk diujikaji.

Kajian itu turut disertai penyidik dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Madya Dr Mohd Razif Harun.

Sampel berkenaan diujikaji bagi melihat kesan potensi penghasilan gas metana biokimia serta kewujudan bahan organik lain yang boleh dianggap berbahaya sekiranya dilepaskan ke dalam sumber air sungai.

Menurut Syazwani, masyarakat perlu faham keperluan sebenar merawat air sisa ini iaitu bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar, selain mengelakkan pelepasan gas metana (CH₄) yang dikenali sebagai gas rumah hijau yang menjadi antara punca berlakunya pemanasan global yang serius.

Beliau menambah, sebilangan besar pelepasan gas rumah hijau ini diakui ramai pakar alam sekitar sebenarnya ada kaitan dengan degradasi bahan organik yang tidak terkawal yang terkandung dalam peningkatan jumlah sisa industri yang dihasilkan oleh manusia.

"Antara isu utama yang kita lihat dari segi sistem rawatan sisa ternakan dan air sisa sembelihan secara konvensional yang digunakan pihak industri ialah mereka menggunakan sistem rawatan secara aerobik, iaitu penggunaan mikroorganisma pemakan sisa yang banyak menggunakan oksigen.

"Apabila banyak menggunakan oksigen dalam proses rawatan air sisa ini, maka kos operasi akan meningkat ditambah dengan tempoh rawatannya yang mengambil masa cukup panjang. Ini yang menjadi kekusaran para pengkaji kerana disebabkan masalah ini, mungkin ada sesetengah pihak yang sewenang-wenangnya membuang terus air sisa ini tanpa merawatnya terlebih dahulu," jelasnya.

Syazwani menambah, rendahnya tahap kesedaran untuk melindungi alam sekitar dan ternakan, selain kefahaman terhadap undang-undang dan polisi berkaitan pencemaran alam sekitar adalah antara lain punca yang menjadi penghalang pihak pengusaha kurang mengambil berat untuk melaksanakan rawatan air sisa.

Daripada kajian yang dijalankan, pasukan penyidik mendapati sampel air sisa sembelihan tidak terawat terbahil menghasilkan beberapa bahan organik di-

kenali sebagai permintaan oksigen kimia (COD) dan permintaan oksigen biologi (BOD) yang cukup tinggi.

Sebagai contoh, sekiranya kepekatan bahan pencemar seperti COD direkodkan dalam jumlah yang tinggi di dalam sampel, ini menunjukkan ia mengandungi bahan organik tidak boleh teroksidasi yang tinggi.

"Jika ini berlaku, maka oksigen terlarut di dalam air yang dirawat itu akan berkurangan dan ia boleh merosakkan alam sekitar khususnya hidupan akuatik. Ini turut menghalang tujuan sebenar rawatan air sisa iaitu untuk mengurangkan tahap COD yang tinggi dalam air.

"Oleh itu pihak pengkaji berpendapat kaedah rawatan air sisa secara aerobik adalah kurang efisien dari segi kos, teknikal dan praktikalnya," jelasnya.

Dalam kajian yang sama, Syazwani menjelaskan bahawa pihak pengkaji menggunakan sebuah mesin khas dengan sistem anaerobik dipanggil *modified upflow anaerobic sludge blanket* (UASB) reactor untuk merawat air sisa ternakan dan air sisa sembelihan daripada sampel yang diambil.

Menurut beliau, antara lain kelebihan sistem rawatan air sisa secara anaerobik ialah mikroorganisma pemakan sisa ini tidak menggunakan oksigen, menjadikan kos rawatan lebih mu-



Apabila banyak menggunakan oksigen dalam proses rawatan air sisa ini, maka kos operasi akan meningkat ditambah dengan tempoh rawatannya yang mengambil masa cukup panjang"

Dr Syazwani

rah berbanding sistem rawatan konvensional kerana ia tidak memerlukan kepada penggunaan mesin pemampatan oksigen.

Menjelang lanjut mengenai fungsi UASB, Syazwani berkata mikroorganisma pemakan sisa yang digunakan mampu menghasilkan gas metana selepas melalui empat proses termasuklah hidrolisis dan metanogenesis.

Penghasilan gas metana ini juga boleh dimanfaatkan untuk dijadikan tenaga elektrik alternatif.

Beliau berkata, kehadiran FOG di dalam air sisa ini diiktiraf sebagai salah satu komponen utama yang menyumbang kepada BOD dan COD yang mengganggarkan sisa sebagai sumber biogas berpotensi tinggi.

"Jika kita lihat, di kebanyakan negara Eropah, memang mereka guna pakai sistem rawatan air sisa secara anaerobik, lagipun ia turut boleh digunakan untuk merawat sisa makanan dan sisa pertanian juga. Begitu juga di pihak penyidik UPM, kami tidak beranggapan semua sisa tidak terawat ini langsung tiada kegunaannya, kerana ia masih ada potensi untuk diproses menjadi effluen berkualiti tinggi selain kita boleh memanfaatkannya untuk dituorkan kepada gas metana yang boleh dijadikan sebagai sumber elektrik alternatif kepada sumber fosil yang kita gunapakai sekarang.

"Biar pun ramai mengangap air sisa ternakan dan air sisa rumah sembelihan berbahaya kepada alam sekitar, namun ini adalah cara terbaik untuk kita selamatkan situasi ini. Ini kerana biarpun dalam air sisa ini terdapat COD dan BOD yang tinggi, namun ia boleh diproses untuk dijadikan sumber tenaga boleh diperbaharui dalam bentuk penghasilan gas metana," katanya.

Menurut data kajian diambil dari laman ourworldindata.org, pada tahun 2019, kira-kira 64 peratus tenaga elektrik yang digunakan datang daripada sumber bahan api fosil namun ia datang dengan pelbagai kesan negatif. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2023	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Hampir semua rumah penduduk dijejaki Ustaz Wan



ARAU: Nama Ustaz Wan tidak asing lagi dalam kalangan penduduk di Dewan Undangan Negeri (Dun) Guar Sanji. Jarang orang tidak mengenalinya kerana kelibatnya mudah ditemui.

Pada penggal lepas hampir semua rumah penduduk di Dun Guar Sanji dijejaki untuk bertanya khabar atau menghulur sumbangan.

Maka tidak hairanlah pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) beliau menang dengan majoriti sebanyak 5,101 undi berbanding PRU14 sebanyak 328 undi.

Adun Guar Sanji Ustaz Mohd Ridzuan Hashim sehingga sekarang meneruskan rutin harian dengan aktiviti ziarah sekiranya tiada mesyuarat atau menghadiri program kerajaan.

Ustaz Wan mudah didekati anak-anak muda atau orang tua. Malah masalah penduduk sering dibangkitnya setiap kali sidang Dun untuk membolehkan kerajaan mengambil tindakan.

Baru-baru ini beliau bersama wakil Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Guar Sanji turun padang meninjau cadangan penduduk supaya membina lintasan ke kawasan Kampung Padang Kilang.

Beliau turut singgah melihat usaha seorang peserta tanaman sayur hidroponik di Kampung Padang Besar.

“Saya memberi galakan supaya peserta supaya mengambil perhatian bantuan bahan input seperti khemah, para-para dan cawan sayur yang diberi kerajaan.

“Di kesempatan itu saya juga mendengar keluhan seorang ibu mengenai kos sara hidup yang tinggi sekarang,” katanya ketika ditemui di sini.

Sebelum itu Ustaz Wan bersama wakil ibu pejabat MADA Ampang Jajar, Nor Farah dan MADA Perlis mengadakan lawatan di tapak pelaksanaan projek terseier di Kampung Semut Gatal.

“Projek terbabit bermula selepas isu tatakelola pelaksanaan projek pengairan terseier dibangkitkan semasa mesyuarat di Dun Perlis sebelum ini.

“Ia melibatkan pembinaan longkang dan kor yang tidak menepati kepiawaian yang ditetapkan MADA,” ujarinya.

Beliau turut menghadiri majlis doa selamat sempena pembukaan bengkel bakeri yang diusahakan seorang anak muda bersama pasangannya di Kampung Belukar. – **HARAKHADAILY 4/1/2023**

Kos selenggara cecah RM130,000

Kos terbabit hanya melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan tanpa pembangunan

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Kos pembersihan Terusan Wan Mat Saman secara berkala sebanyak 12 pusingan agak tinggi sehingga mencecah RM130,000 setahun.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan Lembaga Kemajuan

Pertanian-Muda (MADA), kos terbabit hanya melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan terusan tanpa sebarang pembangunan khusus.

Sehubungan itu, MADA berhasrat untuk mengemukakan pelan pembangunan khusus Terusan Wan Mat Saman kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi mengembalikan nilai khazanah negeri Kedah itu.

"MADA tidak mempunyai kawalan terhadap sikap orang ramai yang mengotorkan terusan bagaimanapun beberapa langkah boleh dilaksanakan antaranya memasang papan tanda larangan pembuangan sampah dalam saluran air.

"Hebahan dan kempen cin-tai sumber air melalui

pelbagai platform seperti perjumpaan bersama peladang termasuk di media sosial juga boleh dilakukan, serta pemantauan berterusan berdasarkan Akta Pengairan 1953 dan Akta Kanun Tanah Negara 1965," katanya dalam kenyataan akhbar di sini pada Rabu.

Sebelum ini, media melaporkan terusan berkenaan berbau dan dikotori sampah-sarap di beberapa bahagian seolah terbiar.

Pada 21 Disember, Menteri Besar Kedah,



Sebahagian Terusan Wan Mat Saman berdekatan Simpang Empat ditumbuhi semak-saun.

Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor memaklumkan kerajaan negeri belum memiliki cadangan untuk memuliharaan terusan terbiar disebabkan kekangan kewangan.

Beliau juga meminta orang ramai agar tidak menjadikan Terusan Wan Mat Saman sebagai tong sampah selain menyeru masyarakat untuk sama-sama memulihara khazanah sejarah berkenaan.

Kenyataan itu juga memaklumkan, MADA menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan Terusan Wan Mat Saman dari

Pada 2017, International Commission on Irrigation and Drainage (ICID) telah mendaftarkan Terusan Wan Mat Saman sebagai Struktur Pengairan Warisan Dunia sempena Forum Pengairan Dunia Ke-3 & Mesyuarat Majlis Eksekutif Antarabangsa ke-70 di Bali, Indonesia.

Menurut kenyataan itu lagi, pengiktirafan berkenaan adalah untuk struktur melebihi 100 tahun dan masih berfungsi dalam pengurusan pengairan.

Terusan Wan Mat Saman mula dibina pada 13 Ogos 1885. Ia siap dibina pada 12 Julai 1896 menghubungkan Sungai Kedah di Alor Setar hingga ke kaki Gunung Jerai di Gurun.

Terusan tersebut berada pada dua aras, iaitu aras tinggi antara Tanah Merah dan persimpangan dengan terusan besar sejauh 10.7km.

Air akan dipam dari Sungai Pendang dan mengairi terusan tersebut.

Bagi aras lebih rendah pula, salirannya di sebelah laut terusan besar tersebut sepanjang 6.4km.

Tujuan terusan ini dibina adalah untuk mengairi sawah padi namun sejak wujudnya Skim Pengairan Muda pada 1970, terusan itu digunakan sebagai part utama yang menyalurkan air untuk saliran jalan raya Persekutuan Alor Setar-Guar Chempedak, kampung dan air buangan sawah.



Laporan Sinar Harian pada 21 Disember.

MADA belanja RM130,000 setahun bersihkan Terusan Wan Mat Saman

ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) perlu membelanjakan RM130,000 setahun bagi tujuan pembersihan Terusan Wan Mat Saman secara berkala 12 pusingan setahun.

MADA dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia* memaklumkan, tanggungjawab menyelenggara terusan tersebut melibatkan tiga buah jabatan dan agensi iaitu pihak mereka, Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan Majlis Daerah Yan (MDY).

Jelasnya, MADA telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan terusan tersebut sejak tahun 1970 membatik kawasan dari Batu 4 Tandop ke Terusan Selatan sepanjang 24.2 kilometer (km).

“MBAS pula menyelenggara dari Sungai Kedah hingga Batu 4 jalan raya Guar Chem-



KEADAAN Terusan Wan Mat Saman sebelum dibersihkan Majlis Bandaraya Alor Setar Disember lalu.

pedak yang sepanjang 5.5 km serta kawasan Pekan Simpang Empat dan Pekan Kota Sarang Semut, manakala MDY bertanggungjawab dari Terusan Selatan sepanjang 2.4 km.

“Pihak MADA dan agensi berkaitan hanya menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan terusan ini tanpa melibatkan kerja-kerja pembangunan yang khusus,” jelasnya di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/1/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Pengguna, pengusaha makanan di Kuantan 'pening' bekalan telur ayam masih kurang



Tinjauan di kedai runcit dan pasar raya di Kuantan mendapati lebih banyak menjual telur 10 biji dan 15 biji sebekas selain jenis omega berbanding 30 biji sesarang yang permintaannya lebih tinggi. - Foto AINAL MARHATON ABD GHANI

KUANTAN: Bekalan telur ayam masih tidak stabil di sesetengah tempat di daerah ini.

Tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar raya utama sekitar Beserah, Sungai Karang, Balok, Semambu, Jaya

Gading, Taman Tas, FELDA Panching Selatan dan Kampung Padang menunjukkan peniaga dan pembekal telur ayam masih tidak mampu menampung permintaan pelanggan.

Kebanyakan mereka yang ditemui merungut bekalan telur gred A, B, C dan D masih sukar diperolehi malah ada kalanya rela beratur di kedai sementara menunggu bekalan telur sampai.

Pengusaha kek dan kuih muih, Samsiah Shamsuddin, 38, berkata, dia sudah tiga hari tidak mengambil tempahan kek kerana tiada bekalan telur ayam.

Beliau berkata, mereka memerlukan antara 10 hingga 12 sarang (30 biji) seminggu untuk penuhi permintaan pelanggan terutama tempahan kek.

"Namun, sejak kebelakangan ini, bekalan telur biasa memang sukar di peroleh di Balok. Nak dapatkan satu sarang pun susah kalau kita tidak tunggu stok sampai di kedai.

"Ada suri rumah yang sanggup menunggu apabila dapat tahu bekalan telur akan sampai jika kebetulan mereka membeli barang di kedai," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Samsiah berkata, ada pasar raya yang hadkan pembelian hanya satu sarang sahaja dan pengusaha kek sepertinya perlu mencari di beberapa kedai lain untuk mendapatkan bekalan mencukupi.

"Jika dilihat situasi sekarang, tidak mustahil masalah bekalan telur ayam akan berpanjangan selama beberapa bulan lagi berkemungkinan sehingga menjelang Ramadan tahun ini," katanya.

Pemilik Emmy's Kitchen, Emyllia Diana Shaari, 36, berkata dia memerlukan sekurang-kurangnya 20 sarang telur seminggu untuk pelbagai jenis masakan panas di kedainya di Kampung Padang.



Pengusaha makanan, Emyllia Diana Shaari. - Foto AINAL MARHATON ABD GHANI

"Memang susah nak dapatkan bekalan telur 30 biji sesarang ketika ini tetapi saya agak bernasib baik kerana pasaraya tempat saya membeli barang niaga akan simpankan untuk saya setiap hari.

"Bagaimanapun, kalau stok tiada, saya terpaksa beli yang 15 biji sebekas dengan harga RM9.50 atau telur omega yang lebih mahal," katanya.

Yusuf Mohamad, 60, pula berkata dia teruja apabila mendapat tahu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang pada Sabtu lalu memaklumkan sudah mengedar 201,000 telur ayam gred A, B dan C bagi memenuhi permintaan pengguna di negeri ini.

"Ia adalah satu contoh yang baik dan saya harap isu kekurangan atau kesukaran mendapatkan bekalan telur ayam dapat di atasi secepat mungkin," kata pesara kerajaan itu.

Laporan media Ahad lalu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, kekurangan bekalan telur di pasaran dijangka dapat diselesaikan selewat-lewatnya enam bulan lagi.

"Apa yang tak cukup sekarang ini dalam 14 peratus, kita import dan sementara kita dapatkan bekalan, mungkin mengambil masa dalam enam bulan, lepas itu insya-Allah kita dapat stabilkan balik bekalan," katanya.



MOHD. ZAMRI menunjukkan baki itik nila yang masih selamat ketika ditemui di Kampung Tok Ding, Semerak, Pasir Puteh semalam.

Ternakan musnah akibat banjir besar

PASIR PUTEH – Seorang lelaki kerugian RM25,000 apabila ternakan itik nila, ikan keli dan ubi kayu yang diusahakannya sejak setahun lalu musnah dalam kejadian banjir di Kampung Tok Ding, Semerak di sini baru-baru ini.

Mohd. Zamri Deris, 50, berkata, banjir pada 18 Disember lalu menyebabkan 10 sangkar yang menempatkan 5,000 ekor ikan keli ternakannya pecah sebelum masuk ke Sungai Semerak.

Katanya, dia reda dengan takdir dan berniat untuk menyedekahkan kesemua ternakannya itu kepada kaki pancing dan mereka yang menahan pukuk di sungai tersebut.

"Sebanyak 300 ekor itik nila yang sedia dijual bersama anak berusia lebih sebulan mati di dalam sangkar akibat lemas.

"Selain itu, ubi kayu yang sudah boleh dituai di kawasan seluas 0.9 hektar juga musnah dan membusuk apabila ditenggelami air selama tiga hari," katanya sambil memberitahu ia merupakan projek pertamanya.

Menurut Mohd. Zamri, banjir besar itu menyebabkan dia tidak dapat mendapat sebarang pulangan meskipun ternakan dan tanaman sudah boleh dijual.

Tambahnya, hanya 40 ekor itik yang masih hidup dan perlu dibiakkan semula. Dia terkilan kerana projek itu diusahakan menggunakan modal sendiri.

"Saya langsung tak menyangka kawasan ini akan terjejas kerana ia tidak pernah dinaiki air sejak 49 tahun lalu. Hanya ini sahaja mata pencarian saya," katanya yang berharap ada pihak akan membantunya.

Bau baja najis ayam, babi mengganggu aktiviti penduduk

Penghuni Taman Saujana mahu pihak berkuasa siasat, bertindak

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bnnews@bh.com.my

Kluang: Lebih 500 keluarga di Taman Saujana, di sini, terpaksa menghidu bau busuk, dipercayai campuran najis ayam dan babi yang dijadikan baja untuk ladang buah naga yang tertetak di bawah grid elektrik.

Pemandu ambulans, Muhammad Azam Ali Ahmad, 35, beliau pernah ke ladang berkenaan dan bertemu seorang lelaki dipercayai pemilik yang mengaku bau busuk itu datang daripada campuran najis ayam dan babi, dijadikan baja ur-tanaman buah naga diusahakannya.



Muhamad Azam dan Ahmad Fauzi menunjukkan baja campuran najis ayam dan babi yang digunakan di ladang buah naga di Kluang, semalam.

(Foto Mohamad Fahd Rahmat/BH)

“Bau busuk ini sejak seminggu lalu hingga majikan minta saya siasat. Selepas mengambil gambar lelaki berkenaan dan ingin bertanya lanjut, dia segera meninggalkan tempat itu,” katanya semalam.

Ribuan berpakaian terkejut

Pemilik bengkel kereta, Ahmad Fauzi Mohamad Nor, 46, berkata bau busuk yang bertambah kuat

ketika hujan dan angin kuat membuatkan pelanggannya tidak selera.

“Pelanggan pun mengadu dan jika masalah ini dibiarkan berterusan, saya khuatir perniagaan di sini terjejas,” katanya menggesa pihak berkuasa berkaitan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya.

Katanya, bau busuk itu meng-

ganggu aktiviti penduduk termasuk kariah surau, kakitangan dan pesakit hospital, pusat asuhan dan pemilik kedai di kawasan terbabat.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Norliyati Md Nor ketika dihubungi, berkata pihaknya belum menerima aduan mengenai isu itu, namun memberi jaminan akan menyiasat.

Petani rugi RM1.4 juta padi ditenggelami banjir

Pasir Puteh: Seramai 140 petani mukim Merkung dan Nara, di sini kerugian RM1.4 juta, selepas tanaman padi ditenggelami banjir.

Kerugian itu membabitkan 280 hektar padi yang sudah masak dan boleh dituai.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Cherang Rotan, A Rahim Yunus, berkata padi di kawasan itu dimaiki air lebih satu meter dalam kejadian pada 18 Disember lalu.

Katanya, sawah ditenggelami air selama empat hari.

“Sepatutnya hujung bulan la-

lu, meréka dah boleh tuai hasil tetapi bila banjir melanda semua tanaman ditenggelami banjir dan tidak dapat diselamatkan.

“Bila tak dapat hasil, mereka tiada modal nak memulakan tanaman baharu, apatah lagi input pertanian kini semakin mahal,” katanya di sini, semalam.

Katanya, biasanya petani mampu menjana hasil RM5,000 untuk sehektar padi.

Pesawah Zulkifli Mohd Noor, 57, berkata, dia tidak dapat menjual hasil semua tanaman padi seluas 0.8 hektar yang ditanam musim lalu.

Tai dapat bayar hutang

“Banjir menyebabkan padi kami mati dan bukan sahaja tak dapat hasil, kami juga tak dapat bayar hutang kepada persatuan untuk buat modal,” katanya.

Petani, Mohd Shamsudin Deraman, 65, pula berkata daripada satu hektar padi yang biasanya memperoleh hasil 40 gumi, hanya boleh dituai tiga gumi sahaja kali ini.

Katanya, hasil dikutip sedikit, manakala Padibernas Nasional Berhad (BERNAS) mengemukakan pemotongan yang tinggi



Sebahagian petani mukim Merkung dan Nara, Pasir Puteh menunjukkan padi yang rosak akibat ditenggelami banjir. (Foto Nor Amalina Alias/BH)

sehingga 70 peratus untuk padi yang ditenggelami banjir.

“Petani orang susah. Kebanyakan kami bertutang di sebab banjir,” katanya.

Dua kali malang

12 peserta tanaman berkelompok limau berputih mata pulangan merosot akibat banjir besar

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Seramai 12 peserta tanaman berkelompok limau madu di Kampung Lubuk Periak di sini berputih mata apabila projek yang diusahakan tidak mendatangkan pulangan di hadapan akibat dua kali dilanda banjir besar.

Peserta, Mion Zali, 53, berkata projek tanaman limau berkelompok itu diusahakan sejak 12 tahun lalu, namun kejadian banjir besar yang berlaku dua kali pada Februari dan Disember tahun lalu itu mengakibatkan hasil merosot.

Menurutnya, setiap pokok akan mengeluarkan hasil lebih 50 kilogram (kg) buah setiap tahun dan Mac dan April adalah kemuncak hasil yang boleh dituai, namun pada Februari berlaku banjir besar.

Katanya, kemuncak kedua dalam setahun untuk tuai adalah pada November dan Disember, namun pada Disember pula berlaku banjir sekali lagi.

"Kami ibarat sudah jatuh ditimpa tangga kerana tahun lalu hasil yang diperoleh

tidak setimpal dengan kerja yang dilakukan selain mengalami kerugian kerana selepas banjir pertama kami mengeluarkan modal untuk merawat pokok limau yang rosak.

"Biasanya dalam setahun hasil jualan limau boleh mencecah hingga RM50,000 setiap peserta, namun kali ini saya sifatkan tiada hasil yang diperolehi," katanya.

Menurutnya, semua 130 pokok limau yang ditanam di tanah berkeluasan 0.6



MION (baju biru) bersama Zairu melihat kawasan kebun limau madu dan limau langkap yang ditenggelami banjir hingga mengakibatkan kerugian kepada peserta tanaman limau berkelompok.



hektar ditenggelami banjir dan mengakibatkan buah limau yang berada di pokok gugur dengan sendiri selepas seminggu hingga dua minggu banjir berlaku.

Rakannya, Zairu Hassim, 43, berkata, kejadian banjir besar tahun lalu yang berlaku pada awal dan akhir tahun ibarat malang bertimpa-timpa buat peserta tanaman limau berkelompok di sini.

"Saya rasa seperti tiada hasil yang boleh dijual berikutan buah mula gugur selepas kejadian banjir dan kami pula perlu mengeluar-

kan modal untuk membeli baja, racun serangga dan sebagainya untuk mengembalikan kesuburan pokok.

"Walaupun, diuji dengan kejadian banjir besar namun semangat peserta tidak luntur malah terus ke kebun seperti biasa untuk memastikan pokok limau yang diusahakan kembali mengeluarkan hasil selepas ini," katanya.

Menurutnya, anggaran kasar untuk setahun jualan limau boleh mencecah RM50,000, namun akibat kejadian banjir besar dua kali yang berlaku mengakibatkan jualan boleh dikatakan hanya mencecah RM5,000.

Katanya, dia reda dengan apa yang berlaku dan dia menganggap 2022 tahun yang penuh dengan cabaran buatnya sebagai seorang pekebun.

Ketua peserta, Yahaya Abdullah, 62, berkata, projek yang diusahakan sejak 12 tahun lalu itu diusahakan di tanah berkeluasan empat hektar dengan 12 peserta.

"Sebelum ini, peserta seramai 25 orang namun dari tahun ke tahun berlaku penurunan peserta berikutan faktor usia, kematian dan tiada waris yang berminat untuk meneruskan projek ini.

"Kini ditambah pula dengan kejadian banjir luar biasa yang mengakibatkan perolehan hasil merosot dengan teruk selepas buah mula gugur akibat pokok ditenggelami banjir.

"Akar pokok rosak selepas ditenggelami banjir, mengakibatkan buah-buah limau terencat dan mula gugur sebelum tempohnya dan peserta perlu mengeluarkan modal untuk kerja baik pulih pokok," katanya.

Pasir Putih: Seramai 140 petani Mukim Merangkap dan Nara di sini menanggung kerugian RM1.4 juta apabila tanaman padi mereka ditenggelami banjir.

Kerugian membabitkan 280 hektar kawasan padi yang hanya menunggu masa untuk dituai.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Cherang Rotan, A Rahim Yunus berkata padi di kawasan itu dinaiki air sehingga lebih satu meter dalam kejadian banjir pada 18 Disember lalu dan ditenggelami air selama empat hari.

"Sepatutnya hujung bulan lalu petani sudah boleh tuai hasil, tetapi bila banjir melanda semua tanaman ditenggelami banjir dan tidak dapat diselamatkan.

"Apabila tak dapat hasil, mereka tiada modal untuk

Petani rugi RM1.4 juta padi ditenggelami banjir



Sepatutnya hujung bulan lalu petani boleh tuai hasil, tetapi bila banjir melanda semua tanaman ditenggelami banjir"

Rahim

mulakan semula tanaman," katanya di Kampung Merangkap di sini, semalam.

Katanya, biasanya petani mampu menjana hasil RM5,000 untuk sehektar padi.

Sementara itu, petani, Zulkifli Mohd Noor, 57 berkata, dia tidak dapat me-



SEBAHAGIAN petani mukim Merangkap dan Nara, Pasir Putih menunjukkan padi yang rosak akibat ditenggelami banjir. - Gambar NSTP NOR AMALINA ALIAS

nai hasil semua tanaman padi seluas 0.8 hektar yang ditanam musim lalu.

Katanya, banjir menyebabkan padi mati sekali gus terpaksa menanggung kerugian dan tidak dapat membayar hutang kepada persatuan untuk dijadikan modal tanam semula.

Manakala Mohd Shamsuddin Deraman, 65, pula berkata daripada satu hektar padi yang biasanya memperoleh hasil 40 guni hanya boleh dituai tiga guni sahaja kali ini.

"Petani orang susah, kebanyakan kami berhutang antara RM1,000 hingga RM5,000 untuk buat modal tanam padi tapi dapat 0.4 hektar pun dalam RM30 sahaja sebab banjir," katanya.

5/1/2023

SINAR
HARIANNEGERI
KELANTAN

27

Pesawah rugi RM1.4 juta, padi rosak akibat banjir

PASIR PUTEH - Banjir buruk yang melanda jajahan ini pada 18 Disember lalu menyebabkan petani di Mukim Mer kang dan Nara di sini mengalami kerugian RM1.4 juta nilai hasil tuai padi.

Kernusnahan itu melibatkan tanaman padi seluas hampir 280 hektar yang diusahakan oleh 140 petani di kedua-dua kawasan berkenaan.

Wakil petani, Zulkifli Mat Nor berkata, banjir yang melanda baru-baru ini disifatkan luar biasa apabila limpahan air terlalu banyak sehingga kawasan petak sawah ditenggelami. Banjir se dalam 0.5 meter sekali gus hasil tanamari itu gagal diselamatkan.

"Saya dan petani-petani lain sepatutnya menuai hasil pada hujung Disember lalu.

"Tetapi disebabkan bencana tersebut semua padi kami rosak dan langsung tidak dapat dituai," katanya semasa sidang akhbar ketika ditemui di Kampung Mer kang di sini pada Rabu.



Banjir buruk menyebabkan tanaman padi seluas 280 hektar di Mukim Mer kang dan Nara, Pasir Puteh tidak dapat dituai.



Beginilah keadaan padi yang rosak akibat ditenggelami banjir baru-baru ini.

Menurutnya, pada masa sama mereka berdepan dengan hutang modal dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang digunakan untuk proses awal tanaman.

Sementara itu, Pengerusi PPK Cherang Rotan, A Rahim Yunus berkata, padi di kawasan tersebut telah ditenggelami banjir selama empat hari. Beliau memberitahu, situasi itu menyebabkan petani berputih mata sekali gus menanggung kerugian yang agak besar.

"Saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian tentang permasalahan ini dan memberi bantuan pada kadar segera.

"Ini kerana mereka (petani) akan memulakan musim tanaman baharu tidak lama lagi," katanya.

Ujar A Rahim, para petani bukan sahaja perlu memikirkan modal untuk memulakan tanaman tetapi turut berdepan dengan kenaikan harga input pertanian. Katanya, jika sebelum ini racun empat liter bernilai RM60 tetapi kini ia mencecah RM100.

5/1/2023

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

Pesawah rugi RM1.4 juta padi ditenggelami banjir

Oleh TOREK SULONG

utusannews@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH: Seramai 140 pesawah di Kampung Merangkap dan Kampung Nara, di sini kerugian RM1.4 juta apabila padi yang diusahakan di tanah seluas 280 hektar gagal dituai selepas ditenggelami banjir pada 18 Disember lalu.

Wakilnya Zulkiffi Mat Nor berkata, banjir luar biasa yang melanda kawasan sawah menyebabkan hasil yang sepatutnya dituai hujung Disember lalu gagal dilaksanakan.

Menurutnya, kegagalan berbuat demikian menyaksikan mereka berdepan hutang modal dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Cherang Rotan yang digunakan untuk proses awal tanaman.

"Lazimnya setiap sehektar kami akan mendapat pulangan bersih sebanyak RM5,000, bagaimanapun tidak untuk musim ini.

"Apa pun kami reda dengan ketentuan itu dan berharap kerajaan akan membantu meringankan beban yang ditanggung sebelum ini," katanya kepada pemberita di sini semalam.



SEBAHAGIAN petani menunjukkan padi yang diusahakan mereka sudah reput selepas ditenggelami banjir di bendang Kampung Merangkap, Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

Seorang lagi pewasah, Mohd. Shamsudin Deraman, 66, berkata, mereka sudah mengikuti jadual penanaman yang telah ditetapkan.

Katanya, sebahagian padi yang telah reput sudah dibajak semula bagi membolehkan kerja penanaman musim pertama tahun ini dapat dijalankan secepat mungkin.

Sementara itu, Pengerusi PPK Cherang Rotan, A. Rahim Yunus

berkata, kerja menuai terpaksa dihentikan apabila paras air semakin meningkat bermula 18 Disember lalu.

Katanya, kesemua padi tersebut ditenggelami air selama empat hari menyebabkan tanaman itu menjadi rosak.

"Bantuan lejangap akan dibuat untuk memastikan jumlah semai nar keluasan dan bilangan petani

yang terjejas untuk membuat permohonan bantuan meringankan beban mereka bagi memulakan musim penanaman semula serta penangguhan bayaran hutang yang terpaksa ditanggung.

"Setakat ini seramai 140 petani yang dikenal pasti terjejas teruk. Masing-masing sudah membuat aduan kerosakan kepada pihak berkenaan," katanya.

No abundance of groupers for CNY

Lack of supply of sought-after fish and high prices to blame, say fish farmers

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Groupers such as the Tiger Dragon may not make it to dining tables this Chinese New Year as fish farmers are racing against time to raise and harvest them.

But with less than a month to go for the festive occasion, farmers said the chances are slim and therefore, supply would be limited.

HLY Ocean Aquaculture general manager Richard Teo, who raises mostly hybrid groupers in Batu Maung, said the Covid-19 movement control orders had broken the supply chain and therefore, it would take some time for farmers to recover.

"From the hatchery, it takes about a year for the fries to grow to table size and sold to restaurants.

"However, many farmers stopped raising them due to the drop in demand during the MCO.

"The remaining fish in the cages are otherwise too big.

"We can only harvest the new batch of fish by the middle of this year," he said yesterday.

Rising operating costs, Teo said, also caused the wholesale price of groupers to increase from about RM40 to about RM50 per kg.

Besides a fish farm, Teo also operates a restaurant at the farm which caters to about 150 diners.

He said bookings started from December last year and is now about 50% booked.

Another fish farmer, Teoh Tiong Hai, 42, who operates his farm in Sungai Udang, concurred that many farmers stopped rearing groupers after struggling to sell them during the MCO.

"Now that restrictions have been relaxed and economic activities including restaurants have resumed, the new batch of fish cannot grow in time for Chinese New Year.

"For dinners, the ideal table-sized fish would be about 1kg while those sold for meat are reared up to between 3kg and 5kg each," he said.

Tiong Hai said due to the shortage of groupers, he hoped that restaurants and diners would use other species of fish that are available.

At the Cecil Street market, a fishmonger who only wished to be known as Ann, 40, said while groupers are slightly more expensive, the price of red snappers has gone down.

"Although the price change is insignificant, we hope market-goers will buy according to their budget, as many families are facing financial constraints.

"We have worked out with farmers to ensure we receive sufficient supply without much price change despite it being the Chinese New Year period," he said.

At Maple Palace Restaurant in Jalan Sultan Ahmad Shah, its manager Alex Teoh said the price of raw seafood and meat products have gone up about 20% this Chinese New Year.

"However, we are banking on other fish such as snappers and cod to make up for the shortage of groupers in the market," he said.

The Chinese community will usher in the Year of the Rabbit on Jan 22 and they believe the fish symbolises "abundance" during Chinese New Year celebrations.



The price of fish: A kilo of grouper (left) is selling for RM46 at Cecil Street Market, Penang. — CHAN BOON KAI/The Star